

Program Pengajian Siswazah UPM terbuka untuk semua

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

“UPM mempunyai sumber yang besar dari sudut bilangan graduan yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan. Dalam Majlis Konvokesyen 2005, seramai 1, 455 telah menerima ijazah Master dan 7, 167 pula menerima ijazah Bachelior. Sumber ini boleh dimanfaatkan dengan lebih optimum bagi meningkatkan bilangan pelajar siswazah. Justeru, Hari Promosi ini amat signifikan dan dapat menarik lebih ramai pemohon khususnya dari kalangan pelajar tahun akhir Master dan Bachelior untuk melanjutkan pengajian,”

Prof. Radin Umar.

SERDANG (30 Mac-1 April) - Sebagai mendukung konsep pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan peluang seluas-luasnya kepada golongan pekerja atau yang berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat Master secara tanpa tesis atau kerja kursus kepada semua yang berminat menjadikan signifikan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Hari Promosi Pengajian Siswazah UPM 2006 (UPM Post Graduate Education Fair 2006) buat julung kalinya di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Hari promosi selama tiga hari tersebut berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan dengan berpeluang mendapat informasi yang jelas mengenai program master di 25 both pameran termasuk fakulti dan institut yang disediakan oleh penganjur pada kali ini bagi membantu usaha UPM yang menetapkan sasaran untuk mencapai bilangan enrolmen pelajar siswazah seramai 10, 000 menjelang tahun 2010. Pada masa ini UPM mempunyai hampir 5,

000 termasuk lebih daripada 900 pelajar antarabangsa.

Prof. Dr. Ir. Radin Umar bin Radin Sohadi, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) berkata, Pada masa ini UPM menawarkan lebih daripada 250 bidang pengajian di peringkat Ijazah Master dan PhD dalam bentuk penyelidikan atau dengan tesis dan lebih daripada 52 bidang pengajian di peringkat ijazah Master dalam bentuk kerja kursus atau tanpa tesis.

Program tersebut bertujuan untuk mendedahkan prospek pengajian siswazah dan menarik minat lebih ramai pemohon untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Master dan Doktor Falsafah (PhD) di UPM.

Sepanjang program tersebut, pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat lanjut mengenai prospek dan peluang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan di UPM. mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai pengajian siswazah khususnya tentang program, kemudahan, kepakaran dan kelebihan setiap program daripada wakil fakulti/institut/sekolah yang mengambil bahagian.

Seterusnya, membuat permohonan

masuk terus secara atas talian (on-line) menerusi kemudahan komputer yang disediakan oleh pihak penganjur.

Banyak kelebihan program master di UPM. Antaranya, kuliah dikendalikan sama ada selepas waktu pejabat atau pada hujung minggu. Ini bermakna mereka yang bekerja tidak semestinya mendapatkan kemudahan cuti belajar atau perlu meninggalkan kerja untuk melanjutkan pengajian. Menerusi peluang ini, lebih ramai golongan pekerja dapat meningkatkan lagi tahap kompetensi dan profesionalisme menerusi ilmu pengetahuan terkini.

“UPM mempunyai sumber yang besar dari sudut bilangan graduan yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan. Dalam Majlis Konvokesyen 2005, seramai 1, 455 telah menerima ijazah Master dan 7, 167 pula menerima ijazah Bachelior. Sumber ini boleh dimanfaatkan dengan lebih optimum bagi meningkatkan bilangan pelajar siswazah. Justeru, Hari Promosi ini amat signifikan dan dapat menarik lebih ramai pemohon khususnya dari kalangan pelajar tahun akhir Master dan Bachelior untuk melanjutkan pengajian,” kata Prof. Radin Umar.